

## Kejadian-Kejadian yang Penting dalam Tahun 1960

# Tinjauan Luar Negeri

>>>>>>>>>>>>>>>

Oleh: A. B. Hosni

>>>>>>>>>>>>>

Semboyan:	Setahun ditinjau ke belakang
	Kacau yang nampak terbentang
	Di mana-mana dipelosok dunia
	Perang semesta membayang jelma
	Seribu sembilan ratus enam
	puluh satu
	Perang dunia ketiga nasibnya tentu

Meninjau ke belakang atas kejadian-kejadian yang telah berlaku dalam negara-negara di dunia dalam tahun 1960, tidaklah kita merasa bergembira, tetapi timbul perasaan-perasaan yang mendukacitakan dalam kalbu kita, oleh kerana segala kejadian-kejadian yang telah berlaku itu telah menunjukkan bayang-bayang kejadian-kejadian yang akan lebih hebat lagi akan berlangsung dalam tahun 1960, yang saya rasa akan mengakibatkan suatu krisis yang maha hebat, pertentangan ideologi-ideologi, pertentangan blok-blok dan pertentangan kuasa-kuasa yang akan menjelma dirinya sedemikian dahsyatnya, sehingga arus - banjir - angin - taufan Perang Dunia yang ketiga, tiada dapat lagi dibendung geraknya dan meletuslah ia dengan kuatkuasanya yang maha dahsyat itu, yang akan memperbuat sebahagian dari kawasan-kawasan yang terlebih di dalamnya menjadi hancur - lebur - musnah, kerana alat-alat perang sains, pendapatan-pendapatan alat yang baharu, yang akan dipergunakan dalam perang yang akan datang itu, akan memusnahkan sebahagian besar makhluk dan harta benda dari dunia ini.

Akan tetapi biarpun demikian, hal-hal yang saya perkatakan di atas tadi hanyalah bayang-bayang sahaja dan belum merupakan suatu realiti. Marilah kita doakan mogamoga kejadian perang dunia itu tidak berlangsung, dan manusia

insaf akan kelemahannya dan suka bertolak-ansur dalam menjalankan siasahnya. Dan demikian juga manusia yang berkecuali dapat mencari jalan untuk mendamaikan pihak-pihak yang bermusuhan, sehingga suasana dahsyat itu tidak akan kejadian.

Saya tidak akan meninjau kejadian-kejadian yang penting dalam tiap-tiap negara di dunia ini dalam tahun 1960 itu,



Peta Benua Afrika Menggelegak

dan akan membicarakannya dengan panjang lebar, tetapi sebagai yang telah saya janjikan ialah meninjaunya secara sepintas lalu sahaja, itu pun tentang kejadian-kejadian yang penting sahaja.

Pada 24 haribulan Disember 1960, di New York telah dilangsungkan pemungutan suara dunia oleh United Press International tentang 10 kejadian-kejadian yang penting di dunia yang menjadi rencana pengarang-pengarang surat khabar-surat khabar dan di antara tiga buah kejadian-kejadian yang maha penting pada tahun yang lalu itu, telah terpilih tiga buah kisah atau rencana yang berkenaan dengan “*Peristiwa pesawat U-2 dan gagalnya Sidang Kemuncak*”, “*Pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang baharu*”, serta “*kekacauan-kekacauan yang sedang bermaharajalela di Konggo*”.

Selain dari pilihan-pilihan yang tersebut di atas, banyak lagi berita-berita kejadian yang menggemparkan dalam tahun 1960 yang telah dikemukakan dalam pilihan suara rencana pengarang-pengarang dunia itu, dan memanglah diakui sangat sukar untuk memilih kejadian-kejadian mana yang terpenting dari berpuluhan-puluhan kejadian-kejadian di dunia dalam pertemuan itu.

Lain-lain berita rencana yang terpenting yang telah dikemukakan itu, termasuk: “*Berkumpulnya boleh dikatakan hampir seluruh pemimpin dunia pada Sidang Umum Bangsa-bangsa Bersatu yang baharu lalu*”, *Perkembangan-perkembangan politik negara Cuba di bawah pimpinan Fidel Castro*”, “*Hukuman mati atas Caryl Chessman*”, “*Gagalnya kunjungan presiden Eisenhower ke Jepun*”, “*Penangkapan Adolf Eichmann, tangan kanan Hitler yang terkemuka di Argentina oleh bangsa Yahudi*”, “*Pemberontakan-pemberontakan Turki dan Korea*”.

Dalam pada itu dalam pemilihan-pemilihan kejadian-kejadian dunia yang terpenting itu, dibahagi dua antara pengarang-pengarang rencana *United Press International* di Eropah dan di Asia.

Pengarang-pengarang “*Rencana Pengarang*” dalam sepuluh buah negara di Eropah telah memilih sepuluh kejadian-kejadian yang penting itu seperti berikut:



*Patris Lomomba*

- 1. Peristiwa U-2 dan kegagalan Sidang Kemuncak**
  - 2. Kennedy terpilih menjadi Presiden Amerika Syarikat.**
  - 3. Kekacauan di Congo;**
  - 4. Khrushchev menghadiri sidang Bangsa-bangsa Bersatu serta boleh dikatakan semua pemimpin-pemimpin negara di dunia.**
  - 5. Gempa bumi yang maha hebat di Agadir dan Chili**
  - 6. Pertentangan antara Rusia dan China Komunis.**
  - 7. Penangkapan atas diri Eichmann oleh orang-orang Yahudi di Argentina.**
  - 8. Hukuman mati atas Chessman**
  - 9. Menderes digulingkan di Turki dan Syngman Rhee digulingkan di Korea.**
  - 10. Perkahwinan Princess Margaret dengan orang biasa Anthony Armstrong, serta kegagalan kunjungan Presiden Eisenhower ke Jepun.**
- Seterusnya kejadian-kejadian yang penting di bawah ini mendapat tempatnya pula sebagai berikut:

“Suasana menggelegak di Cuba”  
 “Pemberontakan di Afrika Selatan yang disebabkan penembakan-penembakan orang-orang Negro di Sharpeville”  
 “Sukan Olimpik di Rom”  
 “Perancis mempunyai bom atom”  
 “Pemberontakan-pemberontakan di Algeria”  
 “Suasana anti-Yahudi di Jerman”  
 “Meletusnya bendungan Vajont<sup>1</sup>”  
 “Pendapatan kapal selam baru Polaris”  
 “Perkahwinan Raja Baudouin dari Belgium dengan wanita Sepanyol dan banyak yang lain-lain lagi.

Pengarang-pengarang ‘Rencana Pengarang’ dari negara-negara di Asia telah memilih 10 kejadian-kejadian yang penting dalam tahun 1960, seperti berikut:

- 1. Gagalnya sidang kemuncak, kerana penerbangan pengintipan pesawat-pesawat U-2 serta akibatnya iaitu hukuman atas penerbangannya Powers dari Amerika Syarikat.**
- 2. Krisis di Congo dan menggelegaknya suasana di Afrika, serta masuknya 16 negara-negara yang baru menjadi anggota-anggota Bangsa-bangsa Bersatu.**
- 3. Persidangan Umum Bangsa-bangsa Bersatu dengan dihadiri hampir semua pemimpin-pemimpin dunia serta serangan Khrushchev atas pihak kuasa-kuasa barat dan tuan Dag Hammarskjöld, Setiausaha Bangsa-bangsa bersatu.**
- 4. Pilihanraya Presiden di Amerika Syarikat.**
- 5. Pemberontakan-pemberontakan di Jepun sehingga menyebabkan gagalnya kunjungan Presiden Eisenhower ke negara itu.**
- 6. Perhubungan yang semakin buruk antara Amerika Syarikat dan Cuba, yang mana kerana perselisihan ini kuasa-kuasa komunis dapat bertapak di Cuba.**
- 7. Pemberontakan di Korea, yang menggulingkan pemerintahan diktator Presiden Syngman Rhee.**

- 8. Pemberontakan di Turki, yang menjatuhkan Pemerintahan Adnan Menderes.**
- 9. Perlumbaan-perlumbaan kekuasaan di udara antara Amerika Syarikat dan Rusia Sputnik yang berakhir dengan berhasilnya Rusia mengirimkan anjing-anjingnya di cakerawala dan dapat memperolehnya kembali dengan hidup dan sihat.**
- 10. Pemberontakan di Laos dan kemungkinan kuasa komunis akan menjejakkan kuasanya di negara itu.**

Selain dari hal-hal yang tersebut di atas, peristiwa-peristiwa yang berikut ini juga mendapat catatan yang terpenting:

- “Laporan-laporan tentang perselisihan faham antara Rusia ..... komunis**
- “Perkahwinan Princess Margeret dengan seorang yang bukan berdarah bangsawan”**
- “Perselisihan perbatasan antara India dan China Komunis”**
- “Gempa-gempa bumi yang hebat di Morocco”**
- “Pemberontakan-pemberontakan di Algeria dan berkurangnya pengaruh Presiden De Gaulle di Perancis dan jajahan takluknya”**
- “Hukuman mati atas Chessman”**
- “Peristiwa Apartheid di Afrika selatan serta percubaan hendap membunuh perdana menteri Hendrik Frensch Verwoerd”**

Begitulah secara pendek dan ringkas keputusan pemilihan berita-berita rencana pengarang surat khabar yang terpenting atas kejadian-kejadian peristiwa dunia pada tahun 1960 itu.

Kejadian-kejadian peristiwa ini dapat saya tambahi lagi atas peristiwa-peristiwa yang telah berlangsung sebagai yang tersebut di bawah ini:

- “Permusuhan antara Indonesia dan Belanda atas Irian Barat”**

<sup>1</sup> Menurut pencarian di internet, empangan yang pecah pada tahun 1960 adalah “Vajont Dam” tetapi tidak dapat dipadankan dengan teks yang dapat dibaca dengan “Volaris/Volarice”

**“Percubaan menggulingkan pemerintahan Maharaja**

**Haile Selassie di Ethiopia”**

**“Ibn Saud mengambil kekuasaan penuh di Saudi Arabia, dengan menjatuhkan pemerintahan adindanya, Amir Faisal”**

**“Peristiwa pemberontakan kaum Komunis dan nasionalis di Filipina”**

**“Perusuhan antara Teipei dan Chungking”**

**“Pemberontakan di Vietnam”**

**“Pemberontakan dalam negeri Indonesia”**

**“Perusuhan antara Jerman Barat dan Jerman Timur”**

**“Perampasan kekuasaan di Nepal”**

**“Perusuhan antara negara-negara Arab Bersatu dengan Israel”**

**“Politik Imigresen Australia terhadap bangsa-bangsa Brown<sup>2</sup>**

**“Pertelingkahan tentang bahasa nasional di Ceylon”**

**“Penyeludupan Komunis di Siam”**

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah sudah siap

Sejarah Ringkas

**Muhammad**

*ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*

Disusun oleh Edrus. Sejarah

ringkas junjungan kita Muhammad (S) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah. Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskhah \$1.20

Pos 10 sen

**Besar dalam negara-negara di Amerika Selatan”**

**“Faham-faham komunis mulai mendapat pengaruh yang**

dan lain peristiwa lagi, terlalu banyak untuk disebutkan.

Berhubung dengan peristiwa-peristiwa yang tersebut di atas, maka tidaklah banyak selisihnya, kalau saya mengatakan, bahawa dunia sekarang ini berada dalam suatu kekacauan yang maha dahsyat sebagai bunga-bunga atau bayang-bayang dari suatu perang dunia yang akan datang yang sangat boleh jadi akan meletus dalam tahun 1961 ini. Kalau pemimpin-pemimpin negara tidak aktif dan tidak sabar, kalau mereka itu tidak bertindak dengan bijaksana, tentulah kita akan mengalami suatu peristiwa yang maha hebat kembali, lebih dahsyat dan lebih kejam lagi dari peristiwa-peristiwa Perang Dunia yang pertama dan kedua yang telah silam. Tanda-tanda, bahawa setiap negara telah mengadakan persediaan dan pertahanan, bahawa setiap blok telah memperkuat persenjataan dan latihan-latihan istimewanya, telah dapat kita ikuti dalam surat khabar harian, tajuk-tajuk rencana dari akhbar-akhbar harian, hampir setiap hari memuat peristiwa-peristiwa yang membayangkan kegoncangan dunia dan kekhawatiran manusia akan terbitnya perang dunia yang baharu itu.

Mudah-mudahan sahaja mereka yang bertanggungjawab atas kejadian-kejadian itu nanti, insaf dan sedar atas tingkah laku dan gerak gerinya dan sedar pula, bahawa mereka akan menjerumuskan berjuta-juta manusia ke dalam kancang penderitaan dan kesengsaraan yang maha dahsyat.

Pada kali ini, pada peperangan semesta yang akan datang itu, saya rasa tidaklah ada negara yang mungkin dapat mempertahankan pengecualianya dan terpaksa ikut campur menyebelahi salah suatu blok yang tertentu.

Pada bilangan Qalam yang akan datang, *Inshā’ Allāh*, akan saya kupas jauh, mengapa saya berpendapat dan meramalkan tentang bakal pecah dan meletusnya perang dunia yang ketiga itu....

<sup>2</sup> Tidak dapat dipastikan